



GARIS PANDUAN OPERASI BIL. 4 TAHUN 2024 LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PELAKSANAAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI [TAX COMPLIANCE CERTIFICATE (TCC)] SECARA RINTIS UNTUK PERMOHONAN PEROLEHAN KERAJAAN BAGI PEROLEHAN KERJA DAN PERKHIDMATAN PERUNDING (FIZIKAL) (BERKUAT KUASA MULAI 1 OKTOBER 2024 HINGGA 31 MAC 2025)

1. PENGENALAN

- 1.1 Melalui Ucapan Belanjawan 2022 di bawah Rang Undang-Undang Perbekalan (2022), YB Menteri Kewangan telah membentangkan inisiatif langkah kemampuan hasil selaras dengan amalan di peringkat antarabangsa di mana Kerajaan bercadang untuk memberikan layanan cukai secara sama rata. TCC yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah dijadikan sebahagian daripada dokumen prasyarat semasa pembayar cukai/pembida mengemukakan permohonan perolehan Kerajaan bermula tahun 2023.
- 1.2 Garis panduan ini bertujuan menerangkan tentang prosedur pelaksanaan (TCC) untuk permohonan perolehan Kerajaan bagi perolehan kerja dan perkhidmatan perunding (fizikal) bermula 1 Oktober 2024 hingga 31 Mac 2025.
- 1.3 Agensi rintis yang terlibat adalah seperti berikut:
 - 1.3.1 Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia; dan
 - 1.3.2 Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

2. MAKLUMAT AM

2.1 Penggunaan Nombor Pengenalan Cukai atau *Tax Identification Number* (TIN) Pengeluaran dan semakan TCC adalah menggunakan TIN iaitu nombor cukai pendapatan sepertimana rekod sedia ada di LHDNM. Sekiranya pembayar cukai/ pembida belum mempunyai TIN, pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian melalui aplikasi e-Daftar di **Portal MyTax**.

2.2 Kategori Pembayar Cukai/ Pembida

Pelaksanaan TCC meliputi semua kategori pembayar cukai berikut:

- i. Syarikat (fail C)
- ii. Perkongsian Liabiliti Terhad (fail PT)
- iii. Koperasi (fail CS)
- iv. Badan Amanah (fail TA)
- v. Unit Amanah/ Amanah Harta Tanah (fail TC)
- vi. Amanah Pelaburan Harta Tanah/ Tabung Amanah Harta (fail TR)
- vii. Pertubuhan (fail F)
- viii. Perkongsian (fail D)
- ix. Individu Yang Menjalankan Perniagaan (fail IG)

3. PROSEDUR SEMAKAN DAN PENGELUARAN TCC

3.1 Tiada permohonan yang perlu dikemukakan oleh pembayar cukai/ pembida untuk mendapatkan TCC. Pembayar cukai/ Pembida boleh membuat semakan dan cetakan TCC secara sendiri melalui menu **Status MyTax** di Portal MyTax iaitu <https://mytax.hasil.gov.my>. Portal MyTax boleh diakses menggunakan nombor kad pengenalan/ pasport dan kata laluan sepertimana pembayar cukai mendaftar masuk bagi tujuan pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) melalui aplikasi e-Filing.

3.2 Semakan TCC boleh dilakukan oleh pembayar cukai/ pembida seperti berikut:

3.2.1 **Kategori individu** (perniagaan pemilikan tunggal/*enterprise*)

TCC akan dikeluarkan atas nama pemilik perniagaan dan boleh terus disemak di Status MyTax pembayar cukai.

3.2.2 **Kategori selain individu** (Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, Koperasi, Perkongsian, Pertubuhan dan lain-lain)

TCC akan dikeluarkan mengikut kategori pembayar cukai. Pembayar cukai perlulah mempunyai peranan sebagai Pengarah Syarikat/Pentadbir Organisasi di Portal MyTax. Sekiranya pembayar cukai belum mempunyai peranan tersebut, permohonan peranan boleh dibuat di Profil MyTax masing-masing dengan memuat naik dokumen sokongan yang dinyatakan mengikut kategori. Maklumat lanjut berhubung kaedah permohonan peranan boleh dirujuk di pautan <https://mytax.hasil.gov.my> > Panduan Pengguna > Manual Penggunaan Permohonan Peranan.

3.3 Semakan dan cetakan TCC boleh dilakukan melalui Portal MyTax pada bila-bila masa mengikut keperluan pembayar cukai/ pembida.

3.4 Kriteria pematuhan cukai yang disemak bagi tujuan pengeluaran TCC adalah seperti berikut:

3.4.1 **Pengemukaan BNCP**

Pembayar cukai/ Pembida perlu memastikan BNCP dikemukakan setiap tahun mengikut tempoh pengemukaan BNCP yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

3.4.2 **Bayaran Cukai Pendapatan**

Pembayar cukai/ Pembida tidak mempunyai tunggakan cukai dan/ atau mematuhi jadual ansuran yang sedang berkuat kuasa.

3.5 Pembayar cukai/ Pembida yang memenuhi kriteria di perenggan 3.4 akan dikategorikan sebagai '**Patuh**'.

3.6 Pembayar cukai/ Pembida yang gagal mematuhi kriteria ditetapkan akan dikategorikan sebagai '**Tidak Patuh**'. Tindakan penyelesaian perlu diambil sepertimana yang dipaparkan pada TCC untuk mengelakkan sebarang kesulitan dalam permohonan perolehan Kerajaan kelak.

- 3.7 Pembayar cukai/ Pembida hendaklah memaklumkan kepada LHDNM melalui e-mel tcc@hasil.gov.my berserta dokumen sokongan sekiranya tindakan ke atas isu ketidakpatuhan telah diselesaikan untuk memastikan tindakan kemas kini status TCC dapat diambil sewajarnya. TCC boleh dicetak melalui Portal MyTax setelah status TCC dikemas kini.
- 3.8 **Tempoh sah laku TCC** adalah mengikut tahun kalendar semasa. Sebagai contoh, TCC bagi tahun 2024 mempunyai tempoh sah laku sehingga 31 Disember 2024. Pembayar cukai/ Pembida boleh menggunakan TCC berkenaan untuk tujuan pelbagai permohonan perolehan Kerajaan selama mana ia masih berkuat kuasa seperti contoh berikut:

Tarikh Janaan Sijil	01/10/2024	Sah Laku Sijil
Tarikh Sah Laku Sijil	31/12/2024	
Tarikh Permohonan Pertama	06/10/2024	Sah
Tarikh Permohonan Kedua	01/12/2024	Sah
Tarikh Permohonan Ketiga	01/02/2025	Luput <i>*kerana tempoh sah laku sijil sehingga 31/12/2024 sahaja</i>

- 3.9 Pengeluaran TCC adalah percuma dan tidak dikenakan sebarang yuran pemprosesan.
- 3.10 Carta alir pengeluaran TCC adalah seperti di **Lampiran A-1**.
- 3.11 Contoh TCC berstatus Patuh adalah seperti di **Lampiran A-2**, manakala contoh bagi TCC berstatus Tidak Patuh adalah seperti di **Lampiran A-3**.

4. PROSEDUR SEMAKAN KETULENAN TCC

- 4.1 Semakan ketulenan TCC boleh dilakukan menggunakan aplikasi *mobile* MyTax melalui menu **Semakan Ketulenan TCC** dengan mengimbas kod *Quick Response* (QR) yang dipaparkan pada TCC.

- 4.2 Aplikasi *mobile* MyTax boleh dimuat turun dari platform penyedia seperti berikut:
- 4.2.1 Google Play (Android);
 - 4.2.2 App Store (iOS); atau
 - 4.2.3 AppGallery (Huawei).
- 4.3 Maklumat-maklumat berikut akan dipaparkan pada skrin telefon pintar setelah imbasan QR dilakukan:
- 4.3.1 Nama Penuh
 - 4.3.2 No. Pengenalan/ No. Pendaftaran
 - 4.3.3 No. Pengenalan Cukai
 - 4.3.4 Status
 - 4.3.5 Tarikh Janaan Sijil
 - 4.3.6 Tarikh Luput Sijil
- 4.4 Sekiranya maklumat pada aplikasi *mobile* MyTax adalah tidak lengkap atau berbeza dengan maklumat pada TCC, TCC tersebut adalah palsu dan tidak sah.
- 4.5 Contoh status pengesahan semakan ketulenan TCC adalah seperti di **Lampiran A-4**.

5. HUBUNGI KAMI

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila hubungi LHDNM melalui saluran-saluran berikut:


5.1 e-mel ke tcc@hasil.gov.my ; atau

5.2 Hasil Contact Centre LHDNM di talian 03-8911 1000 (dalam negara) atau 603-8911 1100 (luar negara).



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tarikh: 30 September 2024

**CARTA ALIR PENGELUARAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI
ATAU TAX COMPLIANCE CERTIFICATE (TCC)**



CONTOH SIJIL PEMATUHAN CUKAI BERSTATUS PATUH

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA	
	Telefon : 03-8911 1000 (HASiL Care Line) Portal Rasmi : https://www.hasil.gov.my
	Tarikh Janaan Sijil } Tarikh Luput Sijil
SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC) BAGI PERMOHONAN PEROLEHAN KERAJAN (STATUS: PATUH)	
Adalah dengan ini, saya/sahaja telah memenuhi kriteria permohonan Sijil Pematuhan Cukai	
Sijil ini dikeluarkan berdasarkan status pematuhan pembayar cukai bagi maksud permohonan perolehan kerajaan sahaja. Sekiranya terdapat bukti-bukti yang menunjukkan pemegang sijil ini tidak mematuhi mana-mana peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967, pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia berhak menamatkan balik status pematuhan yang diberikan melalui sijil ini.	
Sebarang pertanyaan, sila hubungi HASiL Care Line di talian 03-8911 1000 (dalam negara) / 603-8911 1100 (luar negara).	
	

CONTOH SIJIL PEMATUHAN CUKAI BERSTATUS TIDAK PATUH



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Telefon : 03-8911 1000
(HASiL Care Line)
Portal Rasmi : <https://www.hasil.gov.my>

**SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC)
BAGI PERMOHONAN PEROLEHAN KERAJAAN
(STATUS: TIDAK PATUH)**

Adalah dengan ini disahkan bahawa

tidak memenuhi kriteria permohonan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) seperti berikut:

- Tidak mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan
- Mempunyai cukai baki cukai tertunggak yang belum dijelaskan


Sila berurusan di pejabat LHDNM yang berdekatan atau e-mel ke alamat tcc@hasil.gov.my untuk penyelesaian isu di atas.

Sijil ini dikeluarkan berdasarkan status pematuhan pembayar cukai bagi maksud permohonan perolehan kerajaan sahaja.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi HASiL Care Line di talian 03-8911 1000 (dalam negara) / 603-8911 1100 (luar negara).



CONTOH STATUS PENGESAHAN SEMAKAN KETULENAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI



SOALAN LAZIM

**SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI
[TAX COMPLIANCE CERTIFICATE (TCC)]**

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
1.	Apakah itu Sijil Pematuhan Cukai [<i>Tax Compliance Certificate</i> (TCC)]?	TCC adalah dokumen prasyarat yang perlu dikemukakan oleh pembayar cukai/ pembida semasa membuat permohonan perolehan Kerajaan.
2.	Siapakah yang mengeluarkan TCC tersebut?	TCC dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) iaitu agensi pelaksana yang dipertanggungjawabkan untuk pengeluaran TCC.
3.	Bagaimanakah cara untuk memohon TCC dengan pihak LHDNM?	TCC tidak perlu dimohon dengan pihak LHDNM. TCC dikeluarkan secara automatik kepada semua pembayar cukai yang menjalankan perniagaan. Pembayar cukai/ Pembida boleh menyemak TCC secara sendiri melalui menu Status MyTax di Portal MyTax masing-masing.
4.	Bagaimanakah cara untuk menyemak TCC di Portal MyTax?	<p>Kaedah semakan TCC adalah seperti berikut:</p> <p>a. Pembayar cukai/ Pembida kategori individu (perniagaan pemilikan tunggal):</p> <ul style="list-style-type: none"> • TCC akan dikeluarkan atas nama pemilik perniagaan. • TCC boleh disemak melalui Status MyTax di Portal MyTax. <p>b. Pembayar cukai/ Pembida kategori selain individu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • TCC akan dikeluarkan atas nama perniagaan. • Pembayar cukai/ Pembida perlu mempunyai dan memilih peranan Pengarah Syarikat/Pentadbir Organisasi di Portal MyTax sebelum boleh menyemak TCC melalui Status MyTax. • Kaedah permohonan peranan boleh dirujuk di pautan: https://mytax.hasil.gov.my > Panduan Pengguna > Manual Penggunaan Permohonan Peranan.

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
5.	Siapakah yang boleh membuat semakan TCC?	<p>TCC boleh disemak oleh individu seperti berikut:</p> <p>a. Tidak memerlukan peranan di MyTax:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perniagaan pemilikan tunggal/<i>enterprise</i> – Pemilik perniagaan. <p>b. Memerlukan peranan Pengarah Syarikat/Pentadbir Organisasi di MyTax:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Syarikat – Salah seorang daripada Pengarah atau Setiausaha syarikat. • Perkongsian Liabiliti Terhad – Salah seorang daripada Ahli Kongsi atau Setiausaha. • Perkongsian – Salah seorang daripada ahli kongsi. • Lain-lain entiti perniagaan – Salah seorang daripada Pengurus Utama atau Setiausaha atau Bendahari.
6.	Adakah wakil (seperti ejen cukai) dibenarkan membuat semakan TCC?	Tidak, pada ketika ini hanya individu yang dinyatakan di soalan 5 sahaja yang dibenarkan menyemak TCC.
7.	Apakah maksud status yang dipaparkan pada TCC?	<p>a. Patuh – Pembayar cukai/ Pembida mematuhi kriteria pematuhan cukai yang telah ditetapkan.</p> <p>b. Tidak Patuh – Pembayar cukai/ Pembida gagal mematuhi kriteria pematuhan cukai yang telah ditetapkan.</p>
8.	Apakah yang perlu dilakukan sekiranya TCC memaparkan status Tidak Patuh?	<p>Pembayar cukai/ Pembida perlu menyelesaikan isu pematuhan cukai sepertimana yang dipaparkan pada TCC. Sekiranya:</p> <p>a. Gagal mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) – Pembayar cukai perlu melaporkan pendapatan yang diterima melalui aplikasi e-Filing di Portal MyTax.</p> <p>b. Mempunyai tunggakan cukai pendapatan – Pembayar cukai perlu menyelesaikan tunggakan cukai melalui aplikasi ByrHASiL di Portal MyTax atau memohon aturan pembayaran secara ansuran dengan LHDNM Negeri yang menyelia TIN masing-masing.</p>

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
		Setelah isu pematuhan cukai diselesaikan, pembayar cukai/ pembida hendaklah mengemukakan lampiran atau dokumen sokongan kepada Urus Setia Pelaksanaan TCC LHDNM melalui e-mel tcc@hasil.gov.my untuk tindakan kemas kini status TCC.
9.	Saya baru sahaja mendaftarkan perniagaan, apakah yang perlu dilakukan untuk mendapatkan TCC?	<p>Pembayar cukai/ Pembida hendaklah mengambil tindakan berikut untuk mendapatkan TCC daripada LHDNM:</p> <ol style="list-style-type: none"> Membuat semakan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) melalui aplikasi e-Daftar di Portal MyTax. Sekiranya belum mempunyai TIN, pendaftaran boleh dibuat di portal berkenaan; dan Setelah TIN diperolehi, pembayar cukai/ pembida boleh mengemukakan permohonan TCC berserta lampiran dokumen pendaftaran perniagaan kepada Urus Setia Pelaksanaan TCC LHDNM melalui e-mel tcc@hasil.gov.my. <p>Pembayar cukai/ Pembida akan dimaklumkan tindakan selanjutnya sekiranya perlu berdasarkan semakan oleh pihak Urus Setia Pelaksanaan TCC LHDNM.</p>
10.	Perniagaan saya baru sahaja didaftarkan tetapi TCC memaparkan status Tidak Patuh kerana tidak mengemukakan BNCP, apakah tindakan yang perlu diambil?	<p>Pembayar cukai/ Pembida perlu mengemukakan lampiran dokumen pendaftaran perniagaan kepada Urus Setia Pelaksanaan TCC LHDNM melalui e-mel tcc@hasil.gov.my untuk semakan dan tindakan selanjutnya.</p> <p>Pembayar cukai/ Pembida akan dimaklumkan tindakan selanjutnya sekiranya perlu berdasarkan semakan oleh pihak Urus Setia Pelaksanaan TCC LHDNM.</p>
11.	Adakah TCC boleh digunakan untuk tujuan lain?	Tidak , pada ketika ini TCC hanya dikeluarkan untuk tujuan permohonan perolehan Kerajaan sahaja.
12.	Saya menjalankan perniagaan pemilikan tunggal, bagaimanakah saya boleh mendapatkan TCC yang dikeluarkan atas nama perniagaan?	TCC bagi pembayar cukai/ pembida yang menjalankan perniagaan pemilikan tunggal akan dikeluarkan atas nama pemilik perniagaan tersebut. TCC atas nama pemilik perniagaan tersebut boleh digunakan oleh pembayar cukai/ pembida untuk

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS																														
		kesemua perniagaan pemilikan tunggal yang didaftarkan atas nama pemilik berkenaan.																														
13.	Adakah pembayar cukai/pembida bagi kategori selain perniagaan pemilikan tunggal boleh mengemukakan TCC atas nama pemilik?	Tidak dibenarkan. Perniagaan bagi kategori selain pemilikan tunggal hendaklah mengemukakan TCC atas nama perniagaan tersebut seperti yang dinyatakan di soalan 15.																														
14.	Bagaimanakah cara untuk Pegawai Perolehan di Pusat Tanggungjawab (PTJ) menyemak ketulenan TCC yang dikemukakan?	Pegawai Perolehan di PTJ boleh membuat semakan ketulenan TCC melalui fungsi Semakan Ketulenan TCC menggunakan aplikasi mobile MyTax yang boleh dimuat turun dari platform penyedia seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> a. Google Play (Android); b. App Store (iOS); atau c. AppGallery (Huawei) 																														
15.	Bagaimanakah Pegawai Perolehan di PTJ hendak memastikan pembayar cukai/pembida mengemukakan TCC bagi perniagaan yang betul?	Pegawai Perolehan di PTJ boleh memastikan TCC yang dikemukakan oleh perniagaan adalah mengikut TIN seperti berikut: <table border="1" data-bbox="719 1122 1442 2085"> <thead> <tr> <th data-bbox="719 1122 799 1200">Bil.</th> <th data-bbox="799 1122 1198 1200">Jenis Perniagaan</th> <th data-bbox="1198 1122 1442 1200">TIN di TCC</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="719 1200 799 1274">1.</td> <td data-bbox="799 1200 1198 1274">Syarikat</td> <td data-bbox="1198 1200 1442 1274">C</td> </tr> <tr> <td data-bbox="719 1274 799 1393">2.</td> <td data-bbox="799 1274 1198 1393">Perkongsian Liabiliti Terhadap</td> <td data-bbox="1198 1274 1442 1393">PT</td> </tr> <tr> <td data-bbox="719 1393 799 1467">3.</td> <td data-bbox="799 1393 1198 1467">Koperasi</td> <td data-bbox="1198 1393 1442 1467">CS</td> </tr> <tr> <td data-bbox="719 1467 799 1541">4.</td> <td data-bbox="799 1467 1198 1541">Badan Amanah</td> <td data-bbox="1198 1467 1442 1541">TA</td> </tr> <tr> <td data-bbox="719 1541 799 1659">5.</td> <td data-bbox="799 1541 1198 1659">Unit Amanah/ Amanah Harta Tanah</td> <td data-bbox="1198 1541 1442 1659">TC</td> </tr> <tr> <td data-bbox="719 1659 799 1821">6.</td> <td data-bbox="799 1659 1198 1821">Amanah Pelaburan Harta Tanah/ Tabung Amanah Harta</td> <td data-bbox="1198 1659 1442 1821">TR</td> </tr> <tr> <td data-bbox="719 1821 799 1895">7.</td> <td data-bbox="799 1821 1198 1895">Pertubuhan</td> <td data-bbox="1198 1821 1442 1895">F</td> </tr> <tr> <td data-bbox="719 1895 799 1968">8.</td> <td data-bbox="799 1895 1198 1968">Perkongsian</td> <td data-bbox="1198 1895 1442 1968">D</td> </tr> <tr> <td data-bbox="719 1968 799 2085">9.</td> <td data-bbox="799 1968 1198 2085">Individu (Perniagaan Pemilikan Tunggal)</td> <td data-bbox="1198 1968 1442 2085">IG</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Jenis Perniagaan	TIN di TCC	1.	Syarikat	C	2.	Perkongsian Liabiliti Terhadap	PT	3.	Koperasi	CS	4.	Badan Amanah	TA	5.	Unit Amanah/ Amanah Harta Tanah	TC	6.	Amanah Pelaburan Harta Tanah/ Tabung Amanah Harta	TR	7.	Pertubuhan	F	8.	Perkongsian	D	9.	Individu (Perniagaan Pemilikan Tunggal)	IG
Bil.	Jenis Perniagaan	TIN di TCC																														
1.	Syarikat	C																														
2.	Perkongsian Liabiliti Terhadap	PT																														
3.	Koperasi	CS																														
4.	Badan Amanah	TA																														
5.	Unit Amanah/ Amanah Harta Tanah	TC																														
6.	Amanah Pelaburan Harta Tanah/ Tabung Amanah Harta	TR																														
7.	Pertubuhan	F																														
8.	Perkongsian	D																														
9.	Individu (Perniagaan Pemilikan Tunggal)	IG																														

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
		<p>Sekiranya Pegawai Perolehan di PTJ tidak dapat mengenal pasti sama ada TCC yang dikemukakan adalah betul bagi perniagaan yang dimohon, pengesahan boleh dibuat dengan mengemukakan pertanyaan kepada Urus Setia Pelaksanaan TCC LHDNM melalui e-mel tcc@hasil.gov.my.</p>
16.	<p>Adakah terdapat pengecualian pengemukaan TCC oleh pembida/ pembayar cukai tertentu?</p>	<p>Pengemukaan TCC juga diwajibkan kepada pembida dari negara ahli Perjanjian Perdagangan Bebas (<i>Free Trade Agreement - FTA</i>) yang menyertai perolehan Kerajaan.</p> <p>Tiada sebarang pengecualian pengemukaan TCC termasuklah pembida yang berada di zon perdagangan bebas atau zon perindustrian bebas seperti ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Zon Bebas 1990.</p>
17.	<p>Bagaimanakah cara untuk menghubungi LHDNM sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung TCC?</p>	<p>Pembayar cukai/ Pembida boleh menghubungi LHDNM melalui saluran berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. e-mel ke tcc@hasil.gov.my ; atau b. hubungi HASiL Contact Centre di talian 03-8911 1000 (dalam negara) atau 603-8911 1100 (luar negara).